

TERMA & SYARAT-SYARAT PEMAJAKAN REBAN AYAM MILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. Penerima pajak hendaklah sentiasa patuh kepada arahan Kerajaan Negeri selaku pemilik harta Kerajaan.
2. Penerima pajak hendaklah memberi kebenaran kepada kerajaan Negeri untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sesuai ke atas harta Kerajaan.
3. Penerima pajak tidak dibenarkan melakukan aktiviti penternakan atau pertanian lain selain penternakan ayam pedaging, melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Kerajaan Negeri.
4. Penerima pajak hendaklah membayar sebanyak **RM**
(Ringgit Malaysia:) sahaja sebagai bayaran pajakan harta Kerajaan. Pembayaran hendaklah dibuat sebanyak 6 kali ansuran dan dibayar sebelum **7 hari bulan Januari dan 7 haribulan Julai setiap tahun.**
5. Penerima pajak tidak boleh menternak melebihi dari ekor ayam bagi kedua dua buah reban. Kelebihan sebanyak semaksimumnya 10 % daripada had muatan adalah dibenarkan berdasarkan risiko-risiko yang bakal dihadapi.
6. Wang cagaran (dalam bentuk jaminan bank) hendaklah dibayar oleh penerima pajak sebelum perjanjian ini ditandatangani kepada Kerajaan Negeri iaitu berjumlah, **RM (Ringgit Malaysia:)** sahaja.
7. Penerima pajak hendaklah membayar sendiri segala kos pembaikan dan penyelenggaraan harta Kerajaan dan perbelanjaan utiliti termasuk cukai taksiran dan cukai tanah (jika ada).
8. Penerima pajak hendaklah membayar sendiri bayaran gantirugi dan/ atau terdapat sebarang kerosakan yang dilakukan oleh penerima pajak dan/ atau agen-agennya ke atas sebarang benda milik Kerajaan Negeri atau milik Awam di tanah Kerajaan Negeri atau tanah sekitarnya.
9. Penerima pajak hendaklah menyediakan seorang pekerja yang mahir dalam bidang Perubatan Veterinar yang diperakui oleh Kerajaan Negeri, untuk menyelia projek ternakan ayam pedaging.

10. Penerima pajak hendaklah mematuhi amalan pengurusan ternakan yang baik sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
11. Pajak ini hendaklah tamat sekiranya berlaku kematian pada orang berkenaan atau pembubaran badan yang pada masa itu berhak mendapat haknya.
12. Pajak ini boleh ditamatkan oleh Kerajaan Negeri sebaik sahaja atau pada bila-bila masa selepas berlakunya pelanggaran terhadap mana-mana kaedah, terma atau syarat yang pajak ini adalah tertakluk kepadanya tanpa membayar apa-apa pampasan.
13. Penerima pajak hanya boleh membina bangunan tidak kekal bagi maksud pejabat di tapak, setor dan kediaman pekerja di atas tanah Kerajaan Negeri. Penerima pajak perlu mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan Negeri sebelum pembinaan dibuat.
14. Penerima pajak hanya boleh memasuki dan menggunakan bahagian harta Kerajaan yang dipajak sahaja.
15. Penerima pajak hendaklah bertanggungjawab tentang keselamatan penerima pajak, pekerjanya, harta Kerajaan yang dipajak dan segala orang, jentera dan benda yang masuk atau dibawa oleh dengan kebenaran penerima pajak.
16. Penerima pajak hendaklah menjaga kebersihan harta Kerajaan yang dipajak dan tanah sekitarnya.
17. Penerima pajak tidak boleh menyewakan atau memindahkan kepentingan pajak harta Kerajaan atau mana-mana bahagiannya kepada mana-mana orang.
18. Penerima pajak tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan yang mengganggu ketenteraman dan kelicinan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di tanah Kerajaan Negeri dan sekitarnya.
19. Penerima pajak hendaklah bertanggungjawab bagi segala perbuatan [perkongsian] atau agennya atau perkhidmatannya di dalam harta Kerajaan yang dipajak dan tanah sekitarnya atau yang berkaitan dengan aktiviti dalam harta Kerajaan yang dipajak dan tanah sekitarnya pada bila-bila masa.

20. Penerima pajak hendaklah membenarkan mana-mana agen atau pengkhidmat Kerajaan memasuki harta Kerajaan yang dipajak dan tanah sekitarnya pada bila-bila masa.
21. Penerima pajak boleh menamatkan pajakan dengan memberikan notis bertulis 30 hari kepada Kerajaan Negeri dan hendaklah bertanggungjawab bagi segala kerosakan harta Kerajaan dan pemulihan semula bahagian harta yang dipajak dan apa-apa milik Kerajaan di tanah sekitarnya dan kos-kos terlibat.
22. Walau apa pun peruntukan dalam Perjanjian ini, Kerajaan Negeri boleh menamatkan perjanjian pemajakan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis 30 hari kepada Penerima Pajak tanpa perlu membayar apa-apa gantirugi pemajakan ini.
23. Peruntukan Kanun Tanah Negara tentang pemberian notis dan penyampaian notis dan apa-apa dokumen lain hendaklah terpakai bagi perjanjian pemajakan ini.
24. Kerajaan Negeri berhak menambah atau meminda terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian pemajakan ini bila-bila masa perlu tanpa perlu mendapat persetujuan penerima pajak.
25. Perjanjian ini berkuasa selama **36 bulan** bermula pada dan akan tamat tempohnya pada
26. Penerima pajak boleh memohon untuk melanjutkan tempoh pajakan sebelum tamat tempoh pajakan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang sama kecuali mengenai syarat dan terma bayaran pajakan wang cagaran yang boleh dipinda oleh Kerajaan Negeri semasa membenarkan permohonan lanjutan tempoh pajakan.
27. Penerima pajak hendaklah mengecualikan dan bertanggungjawab ke atas segala kerosakan dan/ atau kecederaan dan menanggung rugi Kerajaan Negeri terhadap segala tuntutan dan prosiding bagi dan atas sebarang pelanggaran, kecederaan dan kerosakan akibat perbuatan penerima pajak, pekerja, agen dan mana-mana orang yang melakukan pekerjaan bagi pihak penerima pajak di bawah perjanjian ini dan terhadap segala tuntutan, desakan, prosiding, gantirugi, kos, bayaran dan perbelanjaan apa sahaja yang berkenaan dengan itu atau yang berhubungan dengannya.